



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BANTUAN PENDIDIKAN YPM
DI BAWAH LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH (LKW) BUBAR**

**8 JANUARI 2024
26 JAMADILAKHIR 1445H**

SMK JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUALA TAHAN

SALUTASI SEWAJARNYA

MUKADIMAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Luar Bandar Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, maka dapat kita berkumpul pada hari yang penuh berkat dalam **Majlis Perasmian Program Bantuan Pendidikan YPM di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) BUBAR.**

2. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kerana program KKDW melalui YPM pada hari ini adalah bertujuan untuk menyantuni pelajar B40 dan komuniti di luar bandar terutamanya di Daerah Jerantut. Setinggi penghargaan kepada MARA Negeri Pahang, Yayasan Pelajaran MARA, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut, Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut, pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Pengurusan SMK Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah serta semua pihak yang terlibat kerana berjaya menganjurkan program pada hari ini. Saya yakin pelaksanaan program sebegini akan memberi makna yang besar kepada komuniti di Daerah Jerantut.

3. Setinggi penghargaan juga kepada seluruh komuniti Jerantut kerana sudi menerima kehadiran kita semua dan bersama-sama menyokong usaha Kerajaan dalam memberi manfaat demi kesejahteraan komuniti luar bandar di negara kita.

4. Penganjuran program seperti ini amatlah dialu-alukan kerana kita dapat menyantuni segenap lapisan masyarakat dan mengambil tahu perihal mereka tidak kira di mana mereka berada. Segala manfaat yang disediakan oleh pihak kerajaan perlu dirasai oleh semua pihak tanpa ada sebarang keciciran terutamanya anak-anak luar bandar kita.

PENGISIAN PROGRAM BANTUAN PENDIDIKAN YPM DI BAWAH LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH BUBAR

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya dimaklumkan **Program** di Kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Bubar ini dilaksanakan untuk membantu pelajar dengan menyediakan bantuan dari pelbagai bentuk sama ada kewangan, peralatan persekolahan mahupun program pendidikan kepada pelajar untuk memberikan semangat kepada mereka meneruskan persekolahan dan pengajian lebih-lebih lagi dalam zaman yang serba mencabar ini.

6. Usaha membantu meningkatkan tahap pendidikan dalam kalangan pelajar asnaf dan B40 masih menjadi agenda utama MARA dan Kerajaan. Usaha ini perlu dipergiat dengan kerjasama pelbagai pihak melalui penyediaan akses pendidikan, penyediaan bantuan yang dapat memberi manfaat kepada anak-anak dan penerapan terhadap kempen kesedaran mengenai kepentingan pendidikan.

7. **Program Bantuan Pendidikan YPM** pada hari ini menyaksikan beberapa bentuk CSR pendidikan dan penyampaian sumbangan daripada YPM seperti Penyerahan Bantuan Persekolahan YPM berupa set pakaian persekolahan dan beg sekolah kepada 125 orang pelajar di Daerah Jerantut.

PERANAN KERAJAAN DAN MARA TERHADAP BIDANG PENDIDIKAN

8. Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW) melalui agensi-agensi di bawahnya amat serius dalam memberi penekanan terhadap pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya terhadap pelajar-pelajar asnaf B40. Pada asasnya, penekanan pelaksanaan pembangunan luar bandar ini melibatkan perkongsian pintar antara pelbagai pihak termasuk Kerajaan, swasta, komuniti dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Secara keseluruhan, pelaksanaan Dasar-Dasar Pembangunan yang diperkenalkan oleh Kerajaan kini, telah mengalami anjakan paradigma daripada pembangunan yang dipacu Kerajaan kepada penglibatan yang lebih besar daripada sektor swasta dan komuniti. Peranan agensi dan jabatan di bawah kementerian seperti MARA dan YPM akan terus dilibatkan untuk meningkatkan lagi akses pendidikan kepada masyarakat secara berterusan.

9. Usaha meningkatkan tahap pendidikan di kalangan pelajar luar bandar masih menjadi agenda utama Kerajaan. Usaha ini perlu dipergiat dengan kerjasama pelbagai pihak melalui penyediaan akses pendidikan, penyediaan bantuan yang dapat memberi manfaat kepada anak-anak pelajar dan penerapan terhadap kempen kesedaran mengenai kepentingan pendidikan. Kesedaran dan perubahan ini perlu bermula di peringkat rumah lagi iaitu dari kalangan ibu bapa. Percayalah bahawa bidang pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan seseorang, tetapi ia juga dapat membantu kita untuk meningkat keyakinan diri serta menghapus sikap rendah diri selain membolehkan kita bersaing setanding dengan masyarakat lain.

10. Belanjawan 2024 menggambarkan keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan kualiti sektor pendidikan dan pembangunan bumiputera secara khusus, terutama dalam penyediaan modal insan yang mampan selaras dengan

era digital. Mengambil inisiatif inilah KKDW melalui agensinya sentiasa mencari ruang dalam membantu mendukung usaha kerajaan dengan menyediakan bantuan pendidikan yang relevan sesuai dengan kehendak semasa.

CSR PENDIDIKAN YPM DI NEGERI PAHANG

11. Saya difahamkan, beberapa program telah pun dilaksanakan di Negeri Pahang sepanjang tahun 2023 yang telah memanfaatkan seramai **1,513** orang pelajar dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak **RM297,700.00**. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada MARA dan YPM atas keprihatinan dalam membantu anak-anak di Negeri Pahang.

12. Program CSR pendidikan seperti ini sangat bermakna kepada anak-anak kita. Bidang pendidikan merupakan asas utama kemajuan mobiliti sosial. Oleh itu, marilah kita sedaya upaya menyahut seruan kerajaan dengan menyediakan pelbagai peluang pendidikan yang berkualiti kepada anak bangsa sama ada di bandar mahupun luar bandar.

13. Besar harapan saya agar anak-anak kita satu masa nanti akan menjadi pelapis pimpinan negara serta memanfaatkan peluang dan akses yang diberikan ini dengan sebaiknya. Jadilah modal insan yang cemerlang serta berdaya saing dalam memajukan diri serta menaikkan taraf sosio ekonomi keluarga masing-masing.

PENUTUP

14. Saya mengharapkan agar anak-anak yang menerima manfaat pada hari ini dapat mengambil kesempatan sebaik-baiknya di atas peluang yang diberikan. Semoga anak-anak ini nanti menjadi orang yang berjaya dan boleh membantu semula kepada komuniti / ***giving back to the community.***

15. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada YH Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said dan Yayasan Pelajaran MARA sudi menjemput saya menyempurnakan majlis pada hari ini.

16. Ucapan penghargaan juga buat semua pihak yang terlibat dan seluruh komuniti Jerantut dalam menjayakan program ini dan kepada mereka yang sentiasa komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam membela rakyat.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan **Program Bantuan Pendidikan YPM di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) BUBAR**. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.